

## Panduan Guru bagi Bahan Klip Video Darjah 1B

### Klip Video 9

Pakej MEKAR	1B
Unit 9	Aktiviti Bersama Keluarga
Tajuk Klip Video	Bersihnya!
Fokus Interaksi Lisan	Perbualan
Aspek Bahasa	Kata Hubung/Ayat Majmuk Gabungan
Objektif	Murid boleh berbual dengan anggota keluarga untuk melakukan aktiviti keluarga bersama-sama.

STRATEGI PEMBELAJARAN	BAHAN/CATATAN
<p><b>Aktiviti</b></p> <p>Murid:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>menonton klip video 'Bersihnya'</li> <li>berbual mengenai cerita yang ditonton</li> <li>memberi respons kepada pertanyaan guru</li> <li>menonton klip video sekali lagi</li> <li>melakongkan perbualan semasa makan di kantin sekolah dengan menggunakan Kad Perbualan</li> <li>melengkapkan borang penilaian.</li> </ol> <p><b>Saranan Aktiviti Lanjutan</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Murid boleh menggunakan Kata Adjektif dalam aktiviti perbualan 'Membantu Ibu'.</li> </ol>	<p><b>Catatan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Guru boleh menyediakan skrip mudah</li> <li>Guru boleh memberi perkataan panduan di papan tulis</li> <li>Guru boleh menyuruh murid melengkapkan Kad Perbualan secara lisan sebelum melakongkan perbualan itu</li> </ul> <p><u>Soalan Saranan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Apakah yang sedang dilakukan Dani?</li> <li>Siapakah yang membantu Dani ?</li> <li>Mengapakah baju-baju Hadi berselerak?</li> <li>Apakah cadangan Hadi kepada abangnya tentang buku-buku yang mereka ada?</li> <li>Siapakah yang selalu melakukan kerja-kerja harian di rumah mereka?</li> </ol> <p><b>Bahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kad Perbualan</li> <li>Senarai Semak (Guru dan murid)</li> </ul>

## Contoh Kad Perbualan 'Aktiviti Bersama Keluarga'

Dua orang adik beradik sedang menyiram pokok-pokok bunga yang ditanam ibu mereka. Isikan ruangan kosong dengan perkataan yang sesuai.	
Murid A (berperanan sebagai kakak) _____ Nama murid	_____ boleh tolong Kakak?.
Murid B (berperanan sebagai adik) _____ Nama murid	_____, apa salahnya ?
Murid A _____	Terima kasih, _____. Kita _____ dahulu pasu-pasu ini.
Murid B _____	Ya, saya boleh bantu Kakak _____ pasu-pasu ini.
Murid B _____	Pokok bunga ini _____ ya Kakak. Ada bunga yang berwarna _____, _____ dan _____. Pandai ibu _____ pokok-pokok bunga ini semua.
Murid A _____	Mari kita _____ daun-daun kering.
Murid B _____	Saya mahu _____ pokok-pokok ini, Kakak.
Murid A _____	Selepas itu, kita _____ halaman rumah kita ini.
Murid B _____	Halaman rumah kita akan menjadi _____. Tentu ibu berasa _____. Kita _____ pokok-pokok ini.

## Aktiviti Perbualan 'Aktiviti Bersama Keluarga'

### Senarai Semak: Penilaian Guru

Nama: \_\_\_\_\_

Kelas: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

#### Senarai Semak Kemahiran Interaksi Lisan - Perbualan (Individu)

Tandakan ( ✓ ) dalam kurungan.

Murid dapat:

1. berbual tentang aktiviti bersama anggota keluarga. (     )
2. menggunakan kata adjektif yang sesuai. (     )
3. berbual dengan lancar. (     )
4. mengikut giliran semasa berbual. (     )

Maklum balas guru:

.....

.....

Nota : Penilaian secara individu tidak perlu dijalankan bagi setiap murid. Guru boleh mengenal pasti kumpulan murid yang akan dinilai bagi pelajaran-pelajaran tertentu.



## Aktiviti Perbualan 'Aktiviti Bersama Keluarga'

### Senarai Semak: Penilaian Kendiri (Murid)

Nama: \_\_\_\_\_

Kelas: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Tandakan ( ✓ ) dalam ruang yang sesuai.

Semasa berbual, saya dapat ...		Ya 	Tidak 
<b>1</b>	menyatakan aktiviti yang dilakukan bersama anggota keluarga dengan jelas.		
<b>2</b>	menggunakan kosa kata yang sesuai dalam perbualan.		
<b>3</b>	berbual dengan lancar.		
<b>4</b>	berbual mengikut giliran.		